

Pandangan Ahli Sunah Waljamaah dan Aliran Bertentangan dengannya tentang Beberapa Isu

Pandangan Ahli Sunah Waljamaah	Maksud	Pandangan aliran yang lain
Meyakini bahawa al-Quran adalah kalam Allah SWT yang bersifat qadim (sedia ada)	Adakah al-Quran makhluk?	Muktazilah: Mengatakan bahawa al-Quran adalah makhluk yang bersifat hadis (baharu)
Meyakini bahawa semua orang Mukmin dapat melihat Allah SWT di syurga pada hari akhirat kelak	Melihat Allah SWT	Muktazilah: Mengatakan bahawa mustahil makhluk boleh melihat Allah kerana Allah tidak menyerupai makhluk
Tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir tetapi dihukum fasik kerana jika tidak bertaubat	Pelaku dosa besar	Muktazilah: Pelaku dosa besar berada antara mukmin dan kafir serta mereka kekal dalam neraka Khawarij: Pelaku dosa besar dianggap kafir
Meyakini bahawa semua perkara yang baik dan buruk datang daripada Allah SWT dan Allah SWT mengurniakan manusia akal untuk berfikir dengan berikhtiar untuk memilih antara baik dan buruk	Qadak dan qadar	Muktazilah: Meyakini bahawa setiap perkara baik dan buruk datangnya daripada manusia sendiri
Mempercayai bahawa iman seseorang boleh bertambah dan berkurang bergantung pada amal soleh dan maksiat yang dilakukan	Kedudukan iman	Muktazilah dan Khawarij: Iman tidak berubah dan tidak berkurang. Iman ada apabila melakukan kebaikan dan iman hilang apabila melakukan kemungkaran